

Filipina minta bantuan jurulatih Persilat

EMPAT negara pengasas Persatuan Silat Antarabangsa (Persilat) telah diundang untuk membantu Filipina mempersiapkan diri bagi menghadapi Sukan SEA di Manila dari 22 November hingga 4 Disember ini.

Menurut Setiausaha Satu Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Mohd Khamin Said, Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Manila (Mansoc), telah mengundang setiap negara pengasas supaya menghantar seorang jurulatihnya. - 7 SEP 1991

Khamin selanjutnya menambah, anggota pengasas Persilat terdiri daripada Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura.

Jurulatih-jurulatih tersebut dijangka berada di Manila mulai awal November.

"Undangan tersebut telah disampaikan melalui presiden Persatuan Silat Antarabangsa (Persilat), M. Nalapraya, dari Indonesia," kata Khamin.

"Filipina meminta Persilat supaya membantu mela-

tih pesilat-pesilat mereka bagi menghadapi Sukan SEA ini," tambah Khamis sambil menarik perhatian silat hanya merupakan acara pertunjukan meskipun pingat-pingat emas, perak dan gangsa disediakan untuk para pemenangnya.

Mengenai undangan kepada Persisi, Khamin menyatakan presiden Persilat sendiri telah menyampaikan kepada pihaknya ketika beliau mengadakan kunjungan singkat ke sini, baru-baru ini.

Presiden Persilat itu telah berada di Manila untuk mengikuti sidang Mansoc bagi membentangkan usul agar acara silat disertakan dalam Sukan SEA itu.

Beliau mengakui silat memang merupakan seni pertahanan diri yang asing bagi Filipina, sambil menarik perhatian bahawa penduduk negara itu lebih gemar kepada tinju, karate dan taekwondo.

Filipina diberitakan baru saja menubuhkan persatuan pencak silat dan mereka perlukan bantuan Persilat untuk melatih pesilat-pesilatnya.

"Walaupun tidak dimasukkkan sebagai salah satu acara rasmi Sukan SEA Manila, namun kami gembira ia diterima sebagai acara pertunjukan," jelas Khamin.